

MANFAATKAN PELAKSANAAN e-PCB PLUS

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) ingin memaklumkan bahawa e-PCB Plus telah dilaksanakan sepenuhnya oleh HASiL dengan penggabungan semua perkhidmatan e-PCB, e-Data PCB dan e-CP39 di bawah satu platform dan boleh dicapai menerusi portal MyTax mulai 3 Februari 2025.

Perkhidmatan ini dibuka kepada majikan/pengguna yang memilih bayaran Potongan Cukai Bulanan (PCB) melalui kaedah e-PCB, e-Data PCB dan e-CP39 sebelum ini dengan semua fungsi termasuk pendaftaran, pengemukaan data dan bayaran PCB oleh majikan telah digabungkan di e-PCB Plus.

Pengguna e-PCB Plus perlu log masuk menerusi MyTax dengan memilih peranan yang berkaitan sama ada Majikan / Wakil Majikan / Pentadbir PCB / Individu (Wakil Pentadbir) untuk mengakses sistem ini. Sebagai panduan dan rujukan kepada pembayar cukai, Manual Pengguna e-PCB Plus boleh dirujuk melalui portal MyTax di <https://mytax.hasil.gov.my> atau klik menu > **Panduan Pengguna** > **Manual Penggunaan e-PCB Plus**.

Sebarang pertanyaan serta maklum balas, sila hubungi kami menerusi:

- a) Hasil Contact Centre (HCC) di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (Luar Negara);
- b) HASiL Live Chat; dan
- c) Borang Maklum Balas di portal rasmi HASiL di pautan pantas <https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/Public/>

SEKIAN, TERIMA KASIH.

RISE **BEYOND** LIMITS

Dikeluarkan oleh:

**Jabatan Khidmat Korporat
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

Hasil Contact Centre: 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (luar negara)

Portal Rasmi: www.hasil.gov.my

Tarikh: 14 Februari 2025